

Oleh Presiden Henry B. Eyring

Penasihat Pertama dalam  
Presidensi Utama



# Kesaksian dan Penukaran Hati

**A**da satu perbezaan di antara menerima satu kesaksian kebenaran dan benar-benarnya tukar hati. Sebagai contoh, Rasul Petrus memberi kesaksian kepada Juruselamat bahawa dia tahu Yesus ialah Putera Tuhan.

“[Yesus berkata], siapakah Aku ini?”

“Simon Petrus menjawab, Guru ialah Penyelamat yang diutus oleh Tuhan, Anak Tuhan Yang Hidup.”

“Hai Simon anak Yohanes, berbahagialah engkau!” kata Yesus, ‘Bukannya manusia yang memberitahukan hal itu kepadamu, tetapi Bapa-Ku di syurga yang memberitahumu.’” (Matius 16:15–17).

Tetapi kemudian, dalam perintah-Nya kepada Petrus, Tuhan memberikan dia dan kita satu panduan untuk benar-benarnya menukar hati dan untuk memanjangkan penukaran itu sepanjang hidup. Yesus kata: “Apabila engkau balik kepada-Ku, engkau mesti menguatkan saudara-saudaramu” (Lukas 22:32).

Yesus mengajar Petrus bahawa adanya satu perubahan yang besar lebih daripada mempunyai satu kesaksian untuk berupaya untuk memikir, merasa, dan bertindak sebagai pengikut Yesus Kristus yang menukar hati. Itulah perubahan yang kita carikan. Apabila kita memperolehi perubahan itu, kita perlukan perubahan itu untuk meneruskan sehingga keakhir percubaan fana kita (lihat Alma 5:13–14).

Kita tahu dari pengalaman diri sendiri dan dari memerhati orang lain bahawa memperolehi beberapa saat kuasa

rohani adalah tidak cukup. Petrus menafi bahawa dia mengenali Juruselamat walaupun dia sudah menerima satu kesaksian dari Roh bahawa Yesus ialah Kristus. Tiga Orang Saksi Kitab Mormon sudah menerima kesaksian yang terus bahawa Kitab Mormon ialah firman Tuhan, tetapi mereka masih teragak-agak dalam keupayaan mereka untuk menyokong Joseph Smith sebagai Nabi Gereja Tuhan.

Kita perlukan satu perubahan dalam hati kita, seperti yang dihuraikan dalam buku Alma: “Dan mereka semua memaklumkan kepada rakyat itu hal yang sama — bahawa hati mereka telah diubah; bahawa mereka tidak lagi berhasrat untuk melakukan yang jahat” (Alma 19:33; juga lihat Mosia 5:2).

Tuhan mengajar kita bahawa apabila kita benar-benarnya menukar hati kepada injil-Nya, hati kita akan berpaling dari kerisauan diri sendiri dan bertuju kepada pelayanan untuk mengangkat orang lain semasa mereka menuju terhadap kehidupan abadi. Untuk memperolehi penukaran itu, kita boleh berdoa dan bekerja dengan beriman untuk menjadi manusia yang baru melalui Penebusan Yesus Kristus.

Kita boleh bermula dengan berdoa demi iman untuk bertaubat ke atas sikap mementingkan diri dan demi kurnia untuk menjaga orang lain, bukan diri sendiri sahaja. Kita boleh berdoa demi kuasa untuk menyingkirkan kesombongan dan iri hati.

Doa ialah kunci untuk menerima kurnia kasih sayang terhadap firman Tuhan dan untuk mengasihi Kristus (lihat

Moroni 7:47–48). Kedua-dua ini bergabung. Semasa kita membaca, merenung, dan berdoa tentang firman Tuhan, kita akan mengasihi firman Tuhan. Tuhan akan letakkan firman-Nya dalam hati kita. Apabila kita merasa kasih sayang itu, kita akan mula lebih mengasihi Tuhan. Dengan itu akan datanglah kasih sayang terhadap orang lain yang kita perlukan untuk memperkuatkan orang yang Tuhan akan letakkan pada jalan kita.

Sebagai contoh, kita boleh berdoa untuk mengenali orang yang Tuhan mahu mubaligh-Nya ajar. Para mubaligh sepenuh masa boleh berdoa dengan beriman untuk mengetahui perkara yang harus mereka ajar dan beri saksi oleh Roh. Mereka boleh berdoa dengan beriman bahawa Tuhan akan biarkan mereka untuk merasa kasih sayang-Nya terhadap setiap orang yang mereka jumpai. Para mubaligh ini tidak akan membaptiskan dan mengurniakan Roh Kudus kepada semua orang yang mereka jumpai. Tetapi mereka boleh adakan Roh Kudus sebagai teman mereka. Melalui pelayan mereka dan bantuan Roh Kudus, para mubaligh akan menukar hati dengan perlahan-lahan.

Penukaran itu akan dibaharui sekali-kali lagi apabila mereka dan kita terus bertindak dalam iman untuk memperkuatkan orang lain dengan injil Yesus Kristus tanpa mementingkan diri. Penukaran hati bukan satu kejadian sekali sahaja atau sesuatu yang akan bertahan buat satu musim hidup tetapi ia satu proses berterusan. Kehidupan akan boleh menjadi lebih terang sehingga hari yang sempurna, apabila kita akan menjumpai Juruselamat dan mendapati bahawa kita sudah menjadi seperti Dia. Tuhan huraikan perjalanan itu dalam cara ini: “Apa yang dari Tuhan adalah terang, dan dia yang menerima terang, dan melanjutkan di dalam Tuhan, menerima lebih banyak terang; dan terang itu tumbuh makin cemerlang dan makin cemerlang sampai hari yang sempurna” (A&P 50:24).

Saya janji kamu ini adalah munasabah bagi kita semua.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Elder David A. Bednar dari Kuorum Dua Belas Rasul gunakan “perumpamaan timun jeruk” untuk mengajar bahawa penukaran hati ialah satu proses yang berterusan dan bukan satu kejadian sekali sahaja: “Baris demi baris, ajaran demi ajaran, dengan perlahan-lahan, motif kita, fikiran kita, kata kita, dan tindakan kita

menjadi selaras dengan kehendak Tuhan” (“Ye Must Be Born Again,” *Liahona*, Mei 2007, 19). Bertimbang untuk mengulang kaji perumpamaan timun jeruk itu bersama orang yang kamu ajar. Apakah yang boleh kita setiap orang lakukan untuk bergerak ke depan dalam proses penukaran hati yang dikatakan oleh Presiden Eyring dan Elder Bednar?

## REMAJA

### Penukaran Hati Saya

Oleh Dante Bairado

**A**pabila saya mula belajar tentang injil pemulihan Yesus Kristus, saya rasa Roh memberi saksi tentang kebenarannya. Melalui doa, kesaksian saya menjadi lebih kukuh dan saya buat keputusan untuk dibaptiskan.

Selepas pembaptisan saya, ahli-ahli dalam bahagian saya mula menanya adakah saya akan melayani misi. Sebenarnya, saya tidak tahu tentang apa yang harus saya ucapkan. Idea untuk meninggalkan keluarga saya dan sekolah untuk melayan satu misi memangnya tidak masuk akal bagi saya.

Suatu hari, saya mula berfikir tentang penukaran saya. Saya ingat para mubaligh yang mengajar saya, mereka menjawab soalan-soalan saya dengan sabar dan menolong saya untuk memahami injil. Saya sedar bahawa tanpa bantuan mereka, saya tidak akan dapat cari Gereja yang benar. Sesungguhnya saya sedar tentang perkara ini, hasrat untuk melayan berkembang dalam hati saya. Saya boleh rasa Roh memberitahu saya bahawa saya harus melayani misi sepenuh masa.

Saya tahu bahawa kerja mubaligh ialah kerja Bapa Syurgawi kita dan kita boleh menolong mereka untuk mengetahui pengetahuan injil pemulihan.

*Pengarang ini tinggal di Fortaleza, Brazil*

## KANAK-KANAK

### Biarlah Kesaksian Kamu Bakar dengan Terang

**M**emperolehi satu kesaksian sama seperti membina satu api. Seperti kita mesti tambahkan kayu untuk menjaga api, kita mesti berdoa, bertaubat, melayan

orang lain, mengaji kitab suci, dan mematuhi perintah untuk memastikan kesaksian kita terus bakar dengan terang.

Untuk belajar dengan lebih lanjut tentang cara untuk membina kesaksian kamu, bacakan ayat-ayat suci berikut. Lukiskan satu api dengan lima nyala yang besar. Warnakan setiap nyala itu selepas kamu habis

baca setiap ayat suci. Lebih banyak ayat suci kamu baca, lebih terang api — dan kesaksian kamu!

Mosia 2:17

Alma 5:46

Alma 32:27

3 Nefi 15:10

Yohanes 5:39



# Atribut Yesus Kristus: Tanpa Dosa

*Kajikan bahan ini dengan berdoa dan carikan perkara untuk dikongsikan. Bagaimana pemahaman tentang hidup dan peranan Juruselamat boleh meningkatkan iman kamu kepada Dia dan memberkat mereka yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

*Ini sebahagian seri Pesanan Pengajaran Berkunjung tentang atribut Juruselamat.*

**H**anya Juruselamat kita, Yesus Kristus, boleh menebus manusia. “Yesus Kristus, domba yang sempurna, rela mengorbankan Diri Sendiri dan menebuskan dosa kita,” kata Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua Presidensi Utama.<sup>1</sup> Memahami Yesus Kristus adalah sempurna boleh menolong kita meningkatkan iman kepada Dia dan berusaha untuk mematuhi perintah-perintah-Nya, bertaubat, dan menjadi suci.

“Yesus . . . ialah seorang yang bertubuh daging dan roh, tetapi Dia tidak menyerah kepada godaan (lihat Mosia 15:5), kata Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Kita boleh berpaling kepada Dia . . . kerana Dia faham. Dia faham tentang perjuangan, Dia juga faham cara untuk mengatasi perjuangan. . . .

“ . . . Kuasa Penebusan-Nya boleh hapuskan kesan dosa ke atas kita. Apabila kita bertaubat, rahmat penebusan-Nya mempersolehkan

dan menguduskan kita (lihat 3 Nefi 27:6–20). Ia macam kita tidak pernah menunduk, semacam kita tidak pernah menyerah kepada godaan.

“Semasa kita berusaha setiap hari dan setiap minggu untuk mengikut jalan Kristus, roh kita menegaskan keunggulannya, perjuangan mereda, dan godaan tidak menyusahkan.”<sup>2</sup>

## **Ayat-ayat Suci Tambahan**

Matius 5:48; Yohanes 8:7; Ibrani 4:15; 2 Nefi 2:5–6

## **Dari Tulisan Suci**

Juruselamat sudah bayar untuk dosa-dosa kita melalui Keputeraan-Nya, hidup-Nya yang tidak berdosa, penderitaan-Nya dan penumpahan darah-Nya dalam Taman Getsemani, penyaliban-Nya dan Kebangkitan-Nya dari kubur. Melalui Penebusan Yesus Kristus, kita boleh menjadi suci lagi semasa kita bertaubat ke atas dosa kita.

Raja Benyamin mengajar rakyatnya tentang Penebusan Yesus Kristus dan kemudian menanya mereka jika mereka percaya kata-katanya.

“Mereka semua berseru dengan satu suara, mengatakan: . . . Roh . . . telah mengerjakan perubahan yang hebat dalam diri kami, atau dalam hati kami, sehingga kami tidak memiliki lagi kecenderungan untuk melakukan yang jahat, tetapi sentiasa melakukan yang baik . . . .

“Dan kami bersedia untuk masuk ke dalam suatu perjanjian dengan Tuhan kami untuk melakukan kehendak-Nya, dan untuk patuh pada perintah-perintah-Nya dalam segala hal” (Mosia 5:1–2, 5).

Kita juga boleh memperoleh “perubahan yang hebat” seperti rakyat Raja Benyamin, yang “tidak memiliki lagi kecenderungan untuk melakukan yang jahat, tetapi sentiasa melakukan yang baik” (Mosia 5:2).

## **NOTA**

1. Dieter F. Uchtdorf, “You Can Do It Now!” *Liahona*, Nov. 2013, 56.
2. D. Todd Christofferson, “That They May Be One in Us,” *Liahona*, Nov. 2002, 71.

## **Timbangkan ini**

Bagaimana menjadi suci berbeza dari menjadi sempurna?